



# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku




**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.


**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.


Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**


Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



# *Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia*

**Fauziana Fauzi @ Mat Rawi,**

Pusat Pengajian Ekonomi dan Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,  
UiTM Puncak Alam

Beberapa tahun yang lalu aku telah berkunjung ke salah sebuah kedai buku yang terletak di Saujana Utama. Aku lebih kerap ke kedai buku sewaktu proses semakan kertas peperiksaan akhir pelajar. Hal ini kerana pada waktu itu aku akan merasa sedikit tertekan dan bosan kerana perlu menjadi sangat fokus dan teliti ketika menyemak skrip-skrip tersebut yang kadang-kala mencecah 200 keping. Membaca buku-buku yang menarik merupakan salah satu cara untuk aku melepaskan tekanan tersebut. Ianya diakui berkesan. Aku akan merasa agak lega apabila dapat membaca buku-buku tersebut. Pencarianku pada hari itu dari satu rak ke rak yang lain membuahkan hasil apabila terpancang sebuah buku berjudul “Dari Andalusia ke Amerika” karangan saudara Aidil Adha Sulaiman. Sinopsis serta gambar yang terpapar di belakang buku tersebut seakan-akan memanggil aku untuk memilikinya. Ternyata buku ini sangat istimewa. Ianya membawa kita ke zaman kegemilangan Andalusia iaitu zaman kegemilangan umat Islam di Benua Eropah suatu ketika dahulu.

Buku ini juga cuba menjejaki kesan kewujudan Islam di Dunia Baru iaitu Amerika sebelum Christopher Columbus melalui pelayaran umat Islam Andalusia ke sana. Kewujudan peta oleh para pelayar Islam seperti Al-Mas’udi, peta Piri Reis serta pelayaran Ibnu Battuta telah memperkuatkan lagi andaian tersebut. Sebelum ini pengetahuanku berkenaan sejarah Andalusia tidak begitu meluas. Itupun setelah Rektor UiTM Machang Dato’ Hussin di tempat penempatan kerja aku yang pertama dahulu begitu mengagumi Andalusia. Beliau telah menamakan beberapa jalan di kampus dengan nama-nama yang sinonim dengan Andalusia. Aku hanya mengetahui bahawa di sana terdapat sebuah masjid besar yang sangat terkenal dengan keunikan dan kecantikannya yang luar biasa iaitu Masjid Agung Kordoba yang terletak di ibu kota Andalusia iaitu Kordoba.

Menerusi pembacaan ku, masjid ini telah dibangunkan atas perintah dari Amir Abdul Rahman I pada tahun 785M. Namun sayangnya kini ia tidak lagi berfungsi sebagai sebuah masjid kerana telah ditukar menjadi sebuah gereja besar semasa Kota Kordoba dikuasai kembali oleh pihak Kristian. Usai membaca buku ini, persepsiku terhadap Andalusia yang di dalamnya terdapat kota Kordoba, Malaga, Toledo, Sevilla, Granada telah berubah 360 darjah. Zaman kegemilangan yang telah dikecapi oleh umat Islam di Benua Eropah sejak tahun 711 sehingga jatuhnya kota terakhir umat Islam iaitu Granada pada tahun 1492M bersamaan 897H rupa-rupanya sangat luar biasa dan sangat gemilang serta telah mendahului zamannya. Malah, sejarah penaklukan Portugis ke atas Kota Melaka pada tahun 1511M serta penaklukan Sepanyol ke atas Filipina (Amanillah) serta negara-negara sekitarnya adalah sangat berkait rapat dengan Andalusia. Sejarah ini tidak ada di dalam buku teks sejarah yang aku pelajari di sekolah dahulu.

Persoalan yang bermain di fikiranku ketika ini ialah mengapa kisah - kisah ini tidak diceritakan secara meluas dan tidak begitu ramai umat Islam termasuk aku mengetahuinya?

Mengapa sejarah-sejarah serta peristiwa kejayaan umat Islam pada era selepas pemerintahan Khulafa Ar-rasyidin – Kerajaan Bani Umayyah, Bani Abbasiyah, Uthmaniyyah tidak mendapat tempat di media-media arus perdana mahupun media sosial? Para ilmuan yang mengendalikan rancangan bual bicara di stesen-stesen televisyen dan radio sebagai contoh. Selain membicarakan kisah-kisah nabi-nabi terdahulu, nabi kita, Nabi Muhammad S.A.W serta para sahabat baginda, mereka juga boleh mengetengahkan kisah-kisah ini. Buku-buku, majalah serta bacaan-bacaan ringan seperti komik di pasaran yang membicarakan tentang hal ini juga terhad. Amat sayang sekali jika generasi umat Islam kini tidak mengetahui bahawa pada suatu ketika dahulu Dinasti Umayyah pernah bertapak di Eropah. Umat Islam pernah mengecapi keagungan serta kegemilangan selama beratus tahun di Benua Eropah yang kini sangat diagung-agungkan. Malah Tamadun Islam pada zaman itu juga telah meluas sehingga ke Afrika Utara, Kepulauan Karibbean dan juga Amerika.

Mungkinkah juga “Islamophobia” yang menular di kalangan masyarakat Eropah kini adalah rentetan daripada ketakutan mereka terhadap Islam yang dahulunya pernah bertapak di Portugal, Sepanyol, Itali, Jerman serta negara-negara Balkan termasuk Bosnia? Mungkinkah juga siri penjajahan Zionis ke atas Palestin kini juga ada kaitannya dengan Perang Salib yang telah berlangsung dalam tempoh yang agak lama sehingga melibatkan proses asimilasi antara budaya Islam dan Eropah? Dari sini, aku beranggapan bahawa, pemahaman terhadap sejarah lampau akan memberikan kita lebih pemahaman terhadap apa yang sedang berlaku kini. Generasi kini harus segera dibangkitkan dari terus disibukkan dengan kandungan-kandungan yang kurang membina dan santai yang dimuat naik oleh individu-individu persendirian di media-media sosial sehingga membataskan mereka kepada bahan-bahan bacaan yang berbentuk fakta dan ilmiah ini. Begitu mudah untuk menghilangkan jati diri sesebuah bangsa. Ianya hanyalah dengan menghilangkan identiti bangsa tersebut. Propaganda daripada media-media Barat serta para orientalis membuatkan mereka merasa dunia Barat adalah dunia yang patut dicontohi serta dikagumi kerana Barat dikatakan telah mempelopori teknologi menerusi tokoh-tokoh hebat mereka.

Namun, sedarkah kita bahawa kebangkitan dunia Barat kini yang suatu ketika dahulu diselubungi kegelapan selama hampir 1000 tahun setelah kejatuhan Empayar Rom adalah bermulanya setelah era kejatuhan Andalusia? Pada zaman kegemilangan Andalusia, ilmu-ilmu yang telah berkembang serta kemajuan pesat di dalam bidang sains dan teknologi telah membuka mata masyarakat Eropah ke arah kemajuan dan seterusnya mewujudkan zaman *Renaissance* di sana. Pada waktu itu Andalusia merupakan sebuah pusat keilmuan yang dikunjungi oleh pelajar-pelajar dari seluruh Eropah. Sebagai buktinya, terdapat sepucuk surat kiriman Maharaja England Ketika itu yang ingin menghantar puterinya belajar di Andalusia. Kisah-kisah sebegini perlu diceritakan dan disebarkan kembali agar umat Islam kini bangkit daripada kemunduran serta penindasan oleh kaum Yahudi dan Kristian sebagaimana yang sedang berlaku di Palestin serta negara-negara Islam yang lain. Umat Islam perlu segera kembali bersinar sebagaimana kerajaan-kerajaan Islam terdahulu. Kini, Umat Islam di Palestin ditindas dengan sewenang-wenangnya tanpa pembelaan. Hak mereka dinafikan. Di Sweden pula al-Quran dipijak serta dibakar. Tidak kurang juga campur tangan pihak Amerika di Iraq dan di Afghanistan.

Bagi melengkapkan lagi bacaan berkenaan Andalusia, aku juga telah membeli dan meminjam beberapa buah buku lagi yang berkaitan untuk diselami dan didalami. Antaranya ialah “Kisah-kisah Al-Andalus – Iktibar Dari Tamadun Islam Al-Andalus” karangan Alif Fitri, “Tariq Ibnu Ziyad – Penakluk Andalusia” karangan Abdul Latip Talib, “Perang Salib di Alam Islami” karangan Muhammad al-Arusiy al-Matwiy serta “Aku Ingin Kembara Lagi” oleh Prof. Madya Dato’ Dr. Mohd Asri Zainul Abidin. Di kesempatan ini aku ingin berkongsi dengan para pembaca berkenaan sumbangan serta zaman kegemilangan Andalusia, permulaan tamadun Islam di Barat serta kejatuhan Andalusia.

## Sumbangan dan Zaman Kegemilangan

Daripada pembacaan aku, Andalusia suatu ketika dahulu merupakan Semenanjung Iberia yang merangkumi Utara Perancis serta Selatan Sepanyol. Agak luas sebenarnya. Daripada catatan sejarah Timur dan Barat, Andalusia adalah wilayah umat Islam yang pernah mengukir sejarah yang sangat gemilang di Benua Eropah sejak tahun 711 sehingga kejatuhannya pada tahun 1492. Iaitu lebih dari 300 tahun. Kegemilangan ini terbukti dengan wujudnya terlalu banyak tinggalan umat Islam yang masih wujud dan terjaga rapi untuk tatapan generasi terkemudian. Istana Al-Hambra di Granada, kubu-kubu pertahanan serta bangunan-bangunan yang dibina sewaktu pendudukan umat Islam di sana masih gah berdiri. Namun sayangnya banyak bangunan-bangunan bersejarah tersebut telah ditukar fungsinya. Sumbangan tokoh-tokoh ilmuwan dalam pelbagai ilmu juga banyak sehingga melayakkan Andalusia pada waktu itu menjadi sebuah pusat dan gedung ilmu dunia yang tersohor. Malah, zaman tersebut juga merupakan “*Golden Age*” bagi umat Islam juga Yahudi. Antara tokoh ilmuwan Yahudi yang terkenal pada waktu itu ialah Musa bin Maimun (Moses Maimonides). Yahudi, Kristian serta umat Islam juga telah hidup secara “*co-exist*” serta saling melengkapi antara satu sama lain. Menyedari hakikat ini aku merasa amat sedih dengan perlakuan orang Yahudi ke atas umat Islam kini. Lupakah mereka pada suatu masa dahulu sewaktu berada di Andalusia mereka dilindungi oleh orang Islam? Lupakah mereka pada suatu ketika dahulu mereka telah diselamatkan oleh Kerajaan Turki Uthmaniah sewaktu diusir dan dibunuh oleh orang-orang Kristian? Sungguh, mereka ini golongan yang tidak mengenang budi. Umat Islam ibarat “melepaskan anjing yang tersepit”.

Aku amat kagum dengan penguasaan umat Islam di Andalusia yang bergerak seiring dengan penyebaran keilmuan di kota-kota utama seperti Kordoba, Seville, Toledo, Granada, Madrid, Zaragoza dan bandar-bandar lain. Usaha penyebaran ilmu tidak terhenti di kota dan bandar sahaja tetapi meresap jauh ke pelosok kawasan empayar tersebut sehingga dilaporkan hampir kesemua penduduk di Andalusia pandai menulis dan membaca. Didapati setiap kanak-kanak lelaki dan Perempuan yang berusia 12 tahun di Kordoba telah boleh membaca dan menulis. Jumlah perpustakaan di Kordoba mencecah 70 puluh buah. Pada abad ke-13 masihi, Kordoba mempunyai lebih banyak buku daripada kota lain di Andalus. Penduduknya amat menggemari dan mengambil berat tentang perpustakaan. Kordoba disinari lampu jalan sepanjang 10 batu, mempunyai bekalan air ke rumah-rumah dan sistem pembentungan, jalan-jalannya berturap, mempunyai banyak hospital serta mempunyai sistem pengurusan sampah dan pengurusan alam sekitar yang teratur, terdapat beberapa buah universiti dengan jumlah pelajar seramai 11,000 orang dan juga terdapat 800 buah sekolah. Sekitar tahun 1000 masihi, Kordoba merupakan bandaraya terbesar di dunia dengan populasi seramai 450, 000 orang diikuti Kaifeng, China 400, 000 orang, Constantinople, 300, 000 orang, Kyoto, Jepun 175, 000 orang serta Cairo, Mesir seramai 135, 000 orang. Begitu hebat sekali pencapaian umat Islam pada ketika itu.

Aku juga mendapat tahu bahawa ilmu berkaitan agama Islam, sains dan teknologi, perubatan serta astronomi telah berkembang dengan sangat pesat, melahirkan ramai ulama serta ahli sains Islam. Malah, masih banyak kajian berkaitan pencapaian serta kehebatan umat Islam sedang dijalankan. Antara alim ulamak yang lahir di Andalusia ialah Al Imam Ibn Hazm Al Andalusi, Al Imam Abu Abdillah Al-Qurtubi (Tafsir Al-Qurtubi), Imam Abu Bakar Ibn Al-A’rabi Al-Ishbiliy (Seville) serta Al Imam Ash-Shatibi Al-Gharnati (Granada). Contoh pencapaian utama dalam bidang Sains dan Teknologi oleh tamadun Islam Andalus ialah: Jadual Astronomi Al-Khawarizmi, Equatorium-Astrolabe hybrid oleh Ibnu Al-Samh, Astrolab universal oleh Al-Zarqali, mekanik dan mesin penerbangan oleh Abbas Ibnu Firnas, Mesin dan jam air Mekanikal oleh Al-Muradi Kordoba, peta dunia Al-Idrisi oleh Al-Idrisi serta penciptaan 200 peralatan pembedahan dan Teknik jahitan pembedahan oleh Al-Zahrawi. Al-Zahrawi iaitu Bapa Pembedahan Moden.

Memandangkan pencapaian hebat umat Islam Andalusia pada zaman pertengahan menjadi kekaguman dan rujukan pemerintah negara Kristian di Eropah, ramai di kalangan bangsawan serta keluarga pemerintah menghantar ahli keluarga mereka ke Andalusia bagi mendapatkan Pendidikan. Wakil Maharaja Jerman Otto ke Andalus sekitar tahun 956 masihi pernah menceritakan pengalamannya menyaksikan seekor singa serta burung buatan yang bergerak secara mekanikal di istana khalifah. Beliau juga menyaksikan singgahsana khalifah yang boleh dinaikkan serta diturunkan secara mekanikal. Andalus mencapai zaman keemasannya menjelang pemerintahan Abdul Rahman III (912M – 916M).

Malah, sungguh tidak ku sangka umat Islam Andalus juga dipercayai telah menerokai dunia baru merentasi Lautan Atlantik mendahului Columbus lebih daripada 500 sebelum itu lagi. Hal ini diperakui dengan kewujudan sebuah peta terkenal iaitu peta Al-Idrisi (Andalus Sicily) tahun 1154 masihi. Bukti-bukti yang menunjukkan kehadiran umat Islam sebelum Columbus terdiri daripada *passel of sculptures*, tradisi oral (*oral traditions*), laporan penyaksian (*eyewitness reports*), dan ukiran tulisan (*inscription*). Di antara contoh yang terkenal ialah penemuan kepingan duit lama Arab yang berasal dari tahun 800M yang dijumpai di kawasan perairan Amerika Selatan.

### **Permulaan Tamadun Islam Di Barat**

Sebelum ini aku pernah juga membaca siri-siri penaklukan Islam ke atas negara-negara lain khususnya pada zaman Khalifah Umar al-Khattab. Beliau digelar sebagai penakluk. Hal ini kerana empayar Islam pada zaman pemerintahannya menjadi semakin luas. Sepanjang pengetahuanku, penaklukan ini tidak dilakukan melalui mata pedang semata-mata sebagaimana yang telah dinyatakan oleh pihak Barat. Kerajaan-kerajaan bukan Islam pada awalnya diajak memeluk Islam. Jika syarat ini ditolak, mereka diminta untuk membayar Jizyah dan akan dilindungi oleh pemerintah Islam. Jika syarat ini ditolak lagi barulah mereka akan diserang. Berbeza dengan kisah pendudukan Islam di Andalusia, Gabenor Ceuta Bernama Panglima Julian telah datang ke Afrika Utara meminta bantuan daripada Gabenor Musa bin Nusair, wakil khalifah Islam di Afrika pada ketika itu

Gabenor ini telah menaruh perasaan marah dan dendam terhadap Raja Roderick yang memerintah Sepanyol pada masa itu kerana telah memperkosa puterinya, Florida yang cantik jelita. Raja Roderick dan orang-orangnya hidup mewah sedangkan rakyatnya hidup sengsara. Mereka dipaksa untuk membayar cukai yang tinggi. Kaum wanita terutamanya anak-anak gadis yang cantik seringkali diganggu. Mereka yang cuba melawan akan dibunuh dan ada yang dibakar hidup-hidup. Pada masa yang sama ramai bangsa Yahudi yang turut terdedah kepada penindasan, penyitaan harta kekayaan serta dipaksa menganut agama Kristian. Buat pengetahuan pembaca sekalian, sejak abad ke-5 masihi, Sepanyol berada di bawah kekuasaan kabilah Goths Barat.

Gabenor Musa bin Nusair segera mempersiapkan sebuah angkatan perang seramai 12 ribu orang bagi menawan Andalusia (Sepanyol) serta membebaskan rakyat negara itu daripada penindasan. Beliau telah melantik Panglima Thariq bin Ziyad bagi memimpin angkatan perang tersebut. Dengan menaiki 12 buah kapal perang, tentera Islam akhirnya berjaya mendarat di Jabat Thariq, nama sebuah gunung yang diambil sempena nama Panglima Thariq. Setibanya di sana, Panglima Thariq bin Ziyad segera memerintahkan agar kapal-kapal perang tersebut dibakar lalu beliau mengungkapkan kata-kata keramat; "Di belakang kita laut, di depan kita musuh. Kita terpaksa memilih kemenangan ataupun syahid. Dan kita tidak akan pulang sebelum mencapai matlamat itu".

Pada tahun 711 Masihi setelah Raja Roderick yang memerintah Kerajaan Visigoth telah dikalahkan, Islam telah berjaya bertapak di Benua Eropah umat Islam telah berjaya mengasaskan kerajaan yang kuat. Diceritakan bahawa mengikut perancangan asal, Gabenor

Musa bin Nusair telah bercita-cita untuk meluaskan sinar Islam ke Eropah dan menguasai Kota Konstantinople melalui Andalusia, setelah mara ke Perancis, Itali, Romania dan Hungary, seterusnya ke Eropah Timur sehingga sampai ke pintu Kota Konstantinople.

Walaupun banyak catatan sejarah menyatakan bahawa Islam tiba di Andalus semasa kemaraan tentera pimpinan Thariq bin Ziyad, namun terdapat kajian terkini yang mendapati bahawa Islam tiba di Andalus bukanlah melalui proses penaklukan sebaliknya melalui proses berperingkat yang melibatkan dakwah, perdagangan, hubungan sosial serta budaya di antara Muslim dan penduduk Andalus. Dr. Lauro Olmo Encisco dari Alcal'a Universiti, Madrid turut menyatakan bahawa kedatangan orang Islam ke Andalus bukanlah penyebab kepada kejatuhan ibu kota Kerajaan Recopolis dan juga masyarakatnya. Namun, ianya jatuh disebabkan oleh Krisis dalaman serta sosial yang berlaku di kota-kota Kerajaan Visigoth di Semenanjung Iberia. Kezaliman pemerintah terhadap rakyatnya menyebabkan ada di kalangan mereka memohon bantuan daripada Kerajaan Islam pada ketika itu. Zaman kegemilangan Andalusia bermula dengan tertubuhnya sebuah negara kekhalifahan Bani Umaiyyah secara rasmi pada tahun 929M oleh Abdul Rahman bin Muhammad Nasr atau Abdul Rahman III.

Dari sini dapat aku fahami bahawa kerakusan serta kekejaman akan melenyapkan sesebuah kerajaan seperti yang telah berlaku kepada kerajaan Visigoth. Tekad, kebijaksanaan serta kecekalan seorang panglima muda bernama Thariq bin Ziyad harus dicontohi oleh muda – mudi kini.

### **Kejatuhan Andalusia**

Namun, tanggal 16 Julai 1212M, bumi Andalusia kembali dijajah secara bersiri oleh tentera bersekutu Kristian Katolik dari Utara yang terdiri daripada beberapa kerajaan seperti Aragon, Castile, Leon dan juga dokongan kuat dari Portugal dan Vatican. Ketika kuasa gabungan Kerajaan Castile dan Aragon semakin meluas, umat Islam hanya bertahan di bawah Kerajaan Granada. Al-Hambra menjadi kubu terpenting pada waktu itu. Umat Islam dibantai dengan teruk apabila *Reconquista* (penaklukan semula) serta *Spanish Inquisition* (paksaan penukaran agama kepada Katolik dan penyiksaan) dilaksanakan oleh Raja Ferdinand dan permaisurinya Ratu Isabella. Kerajaan Monarki Sepanyol mengeluarkan pelbagai peraturan baru bagi menyiksa umat Islam Andalusia. Antara perkara terpenting dalam polisi baru tersebut adalah pelaksanaan pembersihan Sepanyol daripada masyarakat dan agama lain selain Katolik. Di antaranya ialah *Limpieza de Sangre* (penyucian darah atau *purity of blood*).

Umat Islam Andalus pada masa itu telah mengalami diskriminasi agama, politik dan ekonomi dengan begitu hebat dan akhirnya mereka dihapuskan secara terancang dan berperingkat. Ada di antara mereka yang dibunuh. Ianya juga terjadi kepada bangsa Yahudi. Selepas 10 tahun iaitu pada tahun 1502M, penduduk muslim Granada telah diberi kata dua sama ada keluar dari Sepanyol atau dipaksa untuk melakukan upacara baptism. Selain itu seramai 2,000 orang Wanita muslim Granada telah dijual sebagai hamba. Keadaan menjadi semakin buruk apabila Monarki Sepanyol melancarkan arahan baru yang dinamakan *Pragmatica* pada tahun 1521. Umat Islam dilarang sama sekali mengamalkan ajaran Islam. Mereka dihalang daripada menutup dan mengunci pintu atau tingkap pada hari Jumaat, pada hari perayaan Muslim, majlis perkahwinan serta semasa pengebumian. Ia bertujuan untuk memastikan mereka tidak membaca sebarang doa serta menjalankan amalan Islam lainnya. Mereka juga diarahkan untuk memakan khinzir, ditegah daripada membaca al-quran serta menyimpan segala buku atau penulisan Arab.


Pada pandangan aku, kelemahan pemerintahan, kealpaan, perpecahan masyarakat dan umat Islam di Andalusia telah memberi peluang kepada kerajaan gabungan Kristian dari Utara menguasai kembali Semenanjung Iberia. Di atas kealpaan umat Islam dan kepentingan kuasa pemimpin tertentu, Andalusia mengalami keretakan serta melalui episod pemerintahan

kerajaan-kerajaan kecil atau Muluk Tawa'if. Umat Islam mengkhianati serta bermusuhan sesama sendiri kerana kuasa. Kemelut tersebut akhirnya membawa kepada peristiwa kejatuhan Granada (*The Fall of Granada*) pada tahun 1492M. Maka berakhirlah Islam di Barat.

## Penutup


Sungguh banyak sekali pengajaran yang boleh diambil dari Tamadun Islam di Andalusia ini. Antaranya ialah keberanian serta tekad yang telah ditunjukkan oleh Gabenor Musa bin Nusair serta Panglima Thariq bin Ziyad sewaktu membebaskan Andalusia dari kekejaman pemerintah waktu itu. Kecintaan terhadap ilmu oleh pihak pemerintah juga telah melahirkan ramai tokoh-tokoh hebat dari pelbagai bidang. Sumbangan tokoh-tokoh ini tidak hanya kepada Andalusia sahaja namun ianya telah mengeluarkan bumi Eropah dari Zaman Kegelapan. Sifat toleransi antara agama juga membantu Andalusia berdiri teguh selama berabad lamanya. Andalusia telah menunjukkan akhlak Islam yang sebenar-benarnya. Semua agama diiktiraf dan boleh diamalkan secara terbuka. Namun, perpecahan sesama umat Islam, penyelewengan serta perebutan kuasa merupakan membawa kepada kehancuran Andalusia. Kemusnahan ini telah membawa kepada kesengsaraan kepada umat Islam. Ada yang diusir dan diseksa dek kerana mengamalkan ajaran Islam. Tidak kurung juga yang dibunuh oleh pemerintah yang zalim.

Sebagai umat Islam kita perlu menjadikan kisah Andalusia ini sebagai pengajaran. Untuk bangkit kembali, umat Islam perlu memperkuat diri dengan Ilmu serta amal. Umat Islam perlu bersatu padu dan tidak mengkhianati antara satu sama lain. Seperti yang berlaku di Andalusia, terdapat pemerintah yang memohon bantuan daripada kerajaan Kristian untuk menakluki kerajaan Islam yang lain. Sifat hasad dengki dan sengketa sangat perlu dijauhi oleh Umat Islam.



# Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

